

## **Kuala Lumpur**

# Lantik Timbalan Presiden Angkasa

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengumumkan pelantikan Datuk Kamarudin Ismail sebagai Timbalan Presiden Angkasa menggantikan Mutadho Bahri yang meletak jawatan secara sukarela pada 1 Julai lalu.

Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan Angkasa yang bermesyuarat pada 1 Ogos lalu memilih Kamarudin yang sebelum ini memegang jawatan Naib Presiden Angkasa.

Pada mesyuarat itu juga, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Kelantan, Datuk Che Shukree Che Isa dipilih untuk mengisi kekosongan kerusi Naib Presiden Angkasa.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dalam kenyataan berkata, kedua-dua tokoh dipilih mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas dalam bidang koperasi dan juga perjalanan pentadbiran Angkasa.

“Kamarudin yang juga

pemegang Ijazah Pendidikan (TESL) dari Universiti Edinburgh, Scotland dipilih sebagai Ahli Lembaga Pengarah Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) global bagi sesi 2017-2021 pada Persidangan Global dan Mesyuarat Agung ICA berlansung di Kuala Lumpur November tahun lalu.

“Beliau yang menyertai Angkasa pada tahun 2012 sebagai Naib Pengerusi Angkasa turut memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi Antarabangsa (ICA), Ahli Lembaga Pengarah MyANGKASA Holding Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah MyANGKASA Services Sdn Bhd dan MyANGKASA Bina Sdn Bhd serta beberapa jawatan pengurusan tertinggi ANGKASA,” katanya.

Sementara itu, Che Shukree pula adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan penerima Sijil Pengurusan Pentadbiran dari Universiti Harvard.